

Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC)

### The 9th Malaysian Technical Universities Conference on Engineering and Technology 2015 (MUCET)

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menerusi Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) telah berjaya menganjurkan MUCET 2015 pada 11 hingga 13 Oktober 2015. MUCET 2015 merupakan persidangan antarabangsa anjuran bersama UTHM dengan Malaysian Technical Universities Network (MTUN) iaitu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Sebanyak 634 permohonan kertas persidangan telah diterima, 458 kertas persidangan (72%) telah dipilih oleh panel penilai yang dilantik. Majlis Perasmian MUCET kali ke-9 ini telah disempurnakan oleh Profesor Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UTHM yang juga merupakan salah seorang Pengucap Utama bagi MUCET 2015 dengan tajuk "Urban Mining and Metal Recycling". Selain itu dua lagi Pengucap Utama adalah Profesor Dr. Abdul Latif Ahmad dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan Dr. Gabriel Walter dari QEOS Technology Sdn. Berhad.

Dengan tema "**Leading Innovation in Engineering, Science and Technology**", MUCET 2015 menawarkan anugerah bagi kertas persidangan dalam tujuh bidang penyelidikan iaitu *Electronic and Electrical Engineering (EE)*, *Civil Engineering (CE)*, *Chemical Engineering & Natural Resources (CHEM)*, *Mechanical & Manufacturing Engineering (MME)*, *Education, Social Science & Technology Management (ESTM)*, *Science (SCI)*, dan *Information & Communication Technology (ICT)*.

Upacara penutup iaitu Majlis Penyampaian Hadiah MUCET 2015 telah diadakan pada 13 Oktober 2015 dan disempurnakan oleh Profesor Dr. Wahid Razzaly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM. Anugerah tertinggi iaitu *Best of the Best Paper Award* dimenangi oleh Profesor Madya Dr. Angzaz Sari Mohd. Kassim dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan, UTHM dengan kertas persidangan bertajuk "*Potential of Cogon Grass (Imperata Cylindrica) as an Alternative Fibre in Paper-Based Industry*". Bagi anugerah tersebut, beliau berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM500 berserta sijil dan plak. Upacara penutup juga telah diserikan dengan persembahan dari Kelab Kebudayaan UTHM serta diakhiri dengan simbolik penyerahan tugas kepada Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) selaku tuan rumah penganjuran MUCET 2016.

Seluruh warga ORICC merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan persidangan antarabangsa MUCET 2015 di KSL Hotel and Resort, Johor Bahru.



### Sesi Perkongsian Ilmu: *Research to Spin-Off*

Sesi perkongsian ilmu *Research to Spin Off* yang telah diadakan pada 20 Oktober 2015 bertujuan untuk memberi input serta kesedaran kepada penyelidik mengenai garis panduan penubuhan Syarikat Terbitan Universiti (*Spin-Off Company*) yang telah diluluskan oleh universiti. Sesi penerangan ini turut merangkumi penubuhan & halatuju syarikat, pegangan saham dalam syarikat, tanggungjawab penyelidik atau pemilik syarikat, bidang utama perniagaan serta risiko yang perlu dihadapi oleh pemilik syarikat. Perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh Dr. Nik Hisyamuddin Muhd. Nor, Timbalan Dekan Pusat Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ICC). Ia merupakan satu platform untuk menggalakkan penyelidik ataupun staf akademik menerokai bidang keusahawanan melalui hasil penyelidikan.

